



MODUL PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA

AKTIVITI 1 Sayangi Nyawa Anda

SP 3.2.1	Menulis untuk menyatakan sesuatu situasi yang dibaca, didengar, dan ditonton menggunakan ayat yang betul, tepat, dan gramatis.
Tema	Faktor Manusia dalam Pelanggaran
PKJR	2.3 Memandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol
PAK-21	Satu Tetap Tiga Lilau (<i>Three Stray One Stay</i>)
Objektif	1. Murid dapat menyenaraikan kesan-kesan negatif akibat memandu dalam keadaan mabuk. 2. Murid dapat membina ayat yang gramatis untuk membina satu perenggan isi yang mantap. 3. Murid dapat menghasilkan satu perenggan isi yang baik.

Bahana Pemandu Mabuk

- ☞ Hilang ketua keluarga
- ☞ Anak kematian ibunya
- ☞ Ibu bapa kematian anak
- ☞ Mangsa cacat seumur hidup

Individu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan jumlah denda tidak kurang daripada RM1000 dan tidak lebih daripada RM6000 atau penjara tidak lebih 12 bulan.

Bagi yang menyebabkan kematian, mereka boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 43, Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman denda maksimum RM10 000 dan penjara tidak lebih 12 bulan.

Aktiviti

1. Guru membahagikan murid-murid kepada beberapa kumpulan, iaitu empat orang murid dalam satu kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki supaya meneliti poster yang diberikan.
2. Setiap ahli kumpulan dikehendaki supaya berbincang tentang tajuk "Kesan-kesan Negatif Akibat Memandu dalam Keadaan Mabuk".
3. Guru menyenaraikan perkara yang perlu dibincangkan bagi menyeragamkan pemerolehan maklumat, iaitu ayat topik, ayat huraian, ayat contoh, dan ayat penegas.
4. Murid-murid mencatat maklumat yang dibincangkan pada kertas mahjong.
5. Setelah selesai aktiviti perbincangan dalam kumpulan, seorang murid akan ditinggalkan dalam kumpulan sebagai penyampai maklumat kepada ahli kumpulan lain manakala tiga orang murid yang lain akan bergerak ke stesen lain untuk mendapatkan maklumat dalam masa yang ditetapkan.
6. Murid-murid dikehendaki supaya menyalin maklumat yang diperolehi dalam buku latihan.

AKTIVITI 2 Sayangi Nyawa Anda

SP 5.5.1	Memahami dan membina ayat berdasarkan pola ayat inti dengan betul dan tepatnya mengikut konteks.
Tema	Alat Pelindung
PKJR	3.1 Tali pinggang keledar
PAK-21	Jalan Galeri (<i>Gallery Walk</i>)
Objektif	1. Murid dapat menyatakan cara-cara pemakaian tali pinggang keledar yang betul. 2. Murid dapat membina pelbagai ayat yang gramatis.



Aktiviti

1. Guru membahagikan murid kepada lima kumpulan yang terdiri daripada lima orang murid.
2. Setiap kumpulan dikehendaki supaya menyatakan cara-cara pemakaian tali pinggang keledar yang betul daripada bahan rangsangan yang diberikan.
3. Murid-murid dikehendaki supaya menulis ayat yang betul pada kertas mahjong.
4. Setelah selesai, hasil kerja setiap kumpulan dipamerkan di dinding kelas.
5. Murid-murid dikehendaki supaya berdiri di sekeliling paparan kumpulan masing-masing.
6. Setiap kumpulan dikehendaki supaya bergerak ke satu paparan yang lain dan memberikan komen terhadap hasil kerja tersebut.
7. Setelah selesai, murid-murid hendaklah bergerak sehingga paparan yang terakhir.
8. Guru akan menyemak hasil kerja murid dan mengadakan sesi soal jawab untuk menambahkan kefahaman murid.